

NDEKS pencemaran udara (IPU) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan yang mencecah 200 menyaksikan aktiviti senaman Fit tidak dapat diadakan buat kali pertama di program FitMalaysia Uni@Usim pada Ahad yang lalu.

Bagaimanapun, cuaca yang berjerebu tersebut tidak sedikit pun mematahkan semangat lebih 1,000 mahasiswa USIM yang hadir sejak pukul 7 pagi menanti ketibaan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin bagi memeriahkan program tersebut.

Program tersebut yang diadakan di Pusat Sukan Tunku Najihah, USIM adalah salah satu inisiatif sokongan bagi menghangatkan lagi sambutan Hari Sukan Negara (HSN) yang berlangsung hari ini.

Menurut Khairy, walaupun keadaan cuaca tidak mengizinkan untuk membuat aktiviti namun beliau cukup berbangga dengan jumlah kehadiran peserta yang begitu ramai.

"Kehadiran warga USIM yang cukup ramai ini membuktikan warga Usim menyahut seruan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersukan."

"Bagaimanapun, aspek kesihatan menjadi

keutamaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Dalam cuaca sebegini, kita tidak mahu merisikokan anda semua," katanya.

Ujarnya, beliau turut memuji inisiatif pihak pentadbiran USIM yang mengadakan aktiviti berbasikal setiap Rabu dan mewujudkan trek berbasikal 'mountain bike' di dalam kampus ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan para pegawai kanan universiti tersebut.

Mengulas mengenai penganjuran HSN, Khairy memberitahu pihaknya tidak membuat keputusan untuk membatalkan sambutan HSN di seluruh negara kerana mungkin ada tempat yang tidak mengalami masalah untuk meneruskan acara itu.

"Institut Sukan Negara (ISN) akan mengeluarkan garis panduan khusus berkaitan jerebu yang boleh dijadikan panduan oleh para penganjur."

"Sebenarnya ramai yang hendak terlibat dalam HSN ini tetapi bagi saya masih mengutamakan kesihatan walaupun kita hendak meraikan hari sukan yang pertama kali diadakan," jelasnya. - **DHIYAZULHILMI DAUD**



MAHASISWA USIM mengambil peluang bersalaman dengan Khairy sejurus beliau tiba di Pusat Sukan Tunku Najihah, USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Jerebu tidak patah semangat peserta

FitMalaysia Uni@USIM



ASPEK kesihatan menjadi keutamaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Dalam cuaca sebegini, kita tidak mahu merisikokan anda semua."
- Khairy Jamaluddin

KHAIRY memuji semangat lebih 1,000 mahasiswa yang hadir menjayakan program FirMalaysia Uni@USIM pada Ahad lalu meskipun Nilai dilanda cuaca jerebu.